
BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Sorotan Bulanan
April 2024

Inflasi keseluruhan kekal stabil berikutan peningkatan sedikit pada inflasi teras

Sumbangan kepada Inflasi



¹ Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir.


Nota: Mulai bulan Januari 2024, barangan dan perkhidmatan dalam kumpulan IHP diklasifikasikan semula berdasarkan set wajaran baharu.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

- Inflasi keseluruhan kekal stabil pada 1.8% pada bulan April (Mac 2024: 1.8%), manakala inflasi teras meningkat sedikit kepada 1.9% (Mac 2024: 1.7%).
- Peningkatan inflasi teras pada bulan April didorong terutamanya oleh inflasi makanan di luar rumah yang lebih tinggi pada 4% (Mac 2024: 3.5%).
- Walau bagaimanapun, peningkatan ini sebahagiannya diimbangi oleh inflasi lebih rendah yang dicatatkan dalam sektor pengangkutan iaitu 0.8% (Mac 2024: 1.3%).

Eksport meningkat dalam bulan April

Eksport Malaysia Mengikut Produk




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia

- Pertumbuhan eksport kembali pulih kepada 9.1% (Mac 2024: -0.9%), didorong oleh pertumbuhan eksport perkilangan yang lebih pantas dan eksport komoditi yang terus berkembang.
- Eksport perkilangan yang lebih tinggi didorong oleh pemulihan bagi eksport elektrik dan elektronik (E&E), yang mencatatkan pertumbuhan positif selepas penguncupan selama 8 bulan sejak bulan Ogos 2023. Sementara itu, eksport bukan E&E terus berkembang kukuh, terutamanya bagi jentera dan bahan berkaitan pembinaan.
- Pada masa hadapan, eksport dijangka bertambah baik secara beransur-ansur dengan sokongan eksport E&E yang terus pulih dan permintaan yang berterusan untuk eksport bukan E&E.

Sorotan Bulanan
April 2024

Pertumbuhan kredit kepada sektor swasta bukan kewangan lebih tinggi

Kredit kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan[1,2]




[1] Terdiri daripada pinjaman isi rumah dan syarikat bukan kewangan oleh sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP) serta bon korporat yang diterbitkan oleh syarikat bukan kewangan (termasuk kertas jangka pendek).
[2] Mulai penerbitan Sorotan dan Perangkaan Bulanan (Monthly Highlights and Statistics, MHS) bulan Disember 2022, siri ini diperkenalkan untuk meningkatkan kualiti data pembiayaan. Siri data baharu ini tersedia dalam Jadual 2.18 MHS. Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

- Kredit kepada sektor swasta bukan kewangan meningkat sebanyak 5.4% pada akhir bulan April 2024 (Mac 2024: 5.2%), didorong oleh pertumbuhan yang lebih tinggi bagi pinjaman terkumpul (5.9%; Mac 2024: 5.7%) dan bon korporat (3.4%; Mac 2024: 3.2%).
- Pertumbuhan pinjaman perniagaan meningkat kepada 5.6% (Mac 2024: 5%) dengan pertumbuhan yang lebih tinggi dalam modal kerja dan pinjaman berkaitan pelaburan. Pertumbuhan pinjaman yang lebih tinggi juga dicatatkan dalam kebanyakan sektor perniagaan, termasuk perkilangan dan pembinaan.
- Bagi isi rumah, pertumbuhan pinjaman terkumpul kekal pada 6.2% (Mac 2024: 6.2%), dengan pertumbuhan pinjaman yang stabil bagi kebanyakan tujuan pinjaman, termasuk untuk pembelian rumah dan kereta.

Pasaran kewangan domestik dipengaruhi oleh jangkaan pelabur global bahawa kadar dasar AS akan tinggi untuk tempoh yang lebih lama

Prestasi Pasaran Kewangan pada bulan April 2024



Nota: Data kadar pertukaran ialah kadar pada pukul 12.00 tengah hari di Pasaran Tukaran Asing Antara Bank Kuala Lumpur.
[1] Negara serantau terdiri daripada Singapura, Thailand, Filipina, Indonesia dan Korea.


Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bursa Malaysia

- Berikutan kejutan kenaikan inflasi AS pada bulan April, peserta pasaran kewangan telah menurunkan lagi jangkaan mereka berhubung dengan kadar dasar AS 2024 kepada hanya satu hingga dua pemotongan.
- Kesannya, kebanyakan mata wang serantau menurun nilai berbanding dolar AS (purata serantau[1]: -1.6%), termasuk ringgit. Walau bagaimanapun, nilai ringgit menurun dengan magnitud yang lebih kecil (-0.8%), berikutan tindakan terselaras oleh Kerajaan dan BNM untuk menggalakkan aliran masuk ke dalam pasaran FX dalam negeri.
- Kadar hasil MGS 10 tahun meningkat sebanyak 12 mata asas (purata serantau[1]: 44 mata asas) di samping kenaikan kadar hasil bon AS, manakala FBM KLCI didagangkan lebih tinggi sebanyak 2.6% (purata serantau[1]: -0.9%).

Sorotan Bulanan
April 2024

Kedudukan mudah tunai dan pendanaan bank-bank kukuh bagi menyokong pengantaraan

Nisbah Mudah Tunai dan Pendanaan Sistem Perbankan




Sumber: Bank Negara Malaysia

- Sistem perbankan terus mencatatkan penampan mudah tunai yang kukuh dengan agregat Nisbah Perlindungan Mudah Tunai berada pada 152.2% (Mac 2024: 150.3%).
- Agregat nisbah pinjaman kepada dana secara amnya kekal stabil pada 82.3% (Mac 2024: 81.7%).

Kualiti aset sistem perbankan kekal utuh

Kualiti Aset Sistem Perbankan



Sumber: Bank Negara Malaysia

- Nisbah pinjaman terjejas kasar dan bersih secara keseluruhannya kekal stabil masing-masing pada 1.6% dan 1%.
- Nisbah perlindungan kerugian pinjaman (termasuk rizab pengawalseliaan) terus berada pada paras berhemat sebanyak 120.4% (Mac 2024: 121.1%) daripada pinjaman terjejas, dengan jumlah peruntukan keseluruhan mencakupi 1.5% daripada jumlah pinjaman.